Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Jumaat, 19 Mac 2021, 4:43pm

Available on the iPhone App Store GET IT ON Google Play



# Matlamat capai pendigitalan lestari perlu babit semua pihak

Mac 18, 2021 @ 10:45am




gambar hiasan

Kelestarian pendigitalan di negara ini perlu diberikan perhatian untuk meningkatkan kehidupan berkualiti menerusi perancangan dan pelaksanaan berjiwa berinovasi kepada rakyat.

Ia memerlukan dorongan tinggi kerajaan dalam bentuk sokongan polisi, moral dan bantuan dana untuk memastikan kemampanan pendigitalan lestari.

Realitinya, Malaysia dipandang sebagai bakal peneraju kepada pendigitalan negara ASEAN pada Mesyuarat Menteri-Menteri Digital ASEAN dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Namun, hasrat itu hanya akan tercapai melalui strategi mampan ke arah pendigitalan seperti ekonomi dan sosial lebih berkualiti.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Perkasa pusat internet desa
- Teroka tiga sektor wujud pekerjaan

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 7m Ericsson sedia bantu Malaysia terokai 5G
- 7m '47 pertuduhan dihadapi Zahid bukan bermotifkan politik'
- 10m PERKESO tawar insentif bagi pengambilan kerja jangka pendek, gig
- 18m Kes budak mati dalam kereta, pengetua tadika dibebaskan dengan jaminan polis
- 21m Bekas Pengerusi ANGKASA Perlis didenda RM15,000
- 22m Kilang makanan didenda RM225,000 cemarkan Sungai Balak
- 28m STAFOC, STAGG tidak diwujudkan semula - Hamzah
- 29m Ramai melarikan diri dari Yangon

VAKSIN

EROPAH 4 jam yang lepas
Bayi disuntik vaksin COVID-19 secara tidak sengaja

EROPAH 9 jam yang lepas
Suntikan vaksin COVID-19 tidak batalkan puasa

- Terengganu tandatangani MoU laksana projek Smart ICT
- Dasar Pendidikan Digital perkasa ekonomi digital

Pandemik COVID-19 mempercepatkan lagi proses pendigitalan di negara ini, terutama dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan dan komunikasi.

Malaysia boleh mengambil contoh seperti China yang lebih maju aspek pendigitalan. Di negara itu, syarikat e-dagang seperti Alibaba menunjukkan bagaimana sesuatu perdagangan dapat dipermudahkan menerusi pendigitalan ekonomi dengan perkhidmatan cekap dan prihatin pelanggan.

Bagaimanapun, pendigitalan di negara ini belum boleh dibanggakan sekiranya ia tidak difahami dalam konteks manfaat kepada masyarakat tempatan.

Justeru, antara ciri penting pendigitalan ialah pendidikan. Pelbagai cara produktif perlu dilaksanakan untuk mencapai matlamat pendigitalan seperti pendidikan sepanjang hayat.

Inisiatif MYDevice di bawah kerangka MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia akan diperkenal untuk memastikan semua pelajar mendapat akses peranti digital bagi tujuan pembelajaran menjelang 2025.

Agensi berkaitan perlu menunjukkan contoh dalam proses pendigitalan ini. Antara projek penting ialah m-government, iaitu pelaksanaan platform digital kerajaan menerusi teknologi mudah alih.

Contohnya, proses pendigitalan tanpa penggunaan kertas oleh agensi kerajaan seperti Institut Jantung Negara (IJN) menuju sifar kertas dan mengambil kira kempen seperti ke arah zero karbon serta menggunakan tenaga bersih seperti tenaga solar sebagai penjana elekrik.

Justeru, pendigitalan lestari dapat dilaksanakan menerusi enam cadangan. Pertama, mendidik pelbagai masyarakat secara inklusif daripada pendidikan awal hingga warga emas sebagai komuniti celik teknologi maklumat.

Pelbagai penyampaian kreatif bahkan kelas Literasi Teknologi Maklumat boleh dilaksanakan secara mudah alih menerusi perpustakaan bergerak di luar bandar.

Semua golongan, termasuk miskin mampu mendapatkan ilmu teknologi maklumat untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dapat menyediakan kandungan bahan digital untuk mendidik masyarakat



NASIONAL Mac 18, 2021 @ 4:58pm
Dr Adham, Mohd Zuki terima dos kedua vaksin COVID-19



NASIONAL Mac 18, 2021 @ 4:47pm
Penduduk Lembah Klang wajar divaksin dahulu



NASIONAL Mac 18, 2021 @ 3:02pm
KJ individu pertama disuntik vaksin Sinovac



NASIONAL Mac 18, 2021 @ 10:12am
Ada negeri belum mula vaksinasi petugas kesihatan swasta

TRENDING


NASIONAL 2 jam yang lepas
Pengusaha kedai runcit mengaku tak bersalah cabul jururawat


NASIONAL 3 jam yang lepas
COVID-19: Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka diarah tutup sementara


SELEBRITI 3 jam yang lepas
Neelofa doa kebahagiaan Nabila


EROPAH 4 jam yang lepas
Bayi disuntik vaksin COVID-19 secara tidak sengaja


SELEBRITI 5 jam yang lepas
Nabila, Emran bergelar suami isteri

MYRESIPI



INFOMASI 3 jam yang lepas
Spaghetti Masak Lemak Udang


INFOMASI 4 jam yang lepas
Kerabu Lobak Putih Jeruk, Makan Bersama Nasi Panas Je Dah Ngam!


INFOMASI 4 jam yang lepas
Menu Tradisi Kaum Bidayuh, Ini Resepi Sambal Serai Mudah & Sedap


INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:45pm
Dah Bosan Asyik Makan Sambal Belacan Je? Jom Cuba Resepi Sambal Kucai Pula, Padu!


INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:44pm
Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese

dapat menyediakan kandungan bahan digital untuk mendidik masyarakat supaya celik teknologi maklumat.

Pihak berkenaan juga perlu membekalkan kepakaran bersesuaian kepada masyarakat supaya terus berinovasi dan kreatif seperti kelas usahawan ditawarkan MDEC secara dalam talian untuk melahirkan usahawan digital inovatif.

Kedua, memampankan kerajaan sebagai teras utama untuk pelaksanaan proses pendigitalan di pelbagai kementerian dan jabatan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan MAMPU boleh menyediakan infrastruktur dan platform digital bagi kegunaan jabatan kerajaan.

Ketiga, melestarikan peningkatan kualiti hidup masyarakat menerusi pendigitalan termasuk penyediaan infrastruktur internet dan perkakasan kepada pelajar serta pembukaan lebih banyak pusat internet desa.

Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) perlu digiatkan ke arah Society 5.0. Ini memastikan Malaysia bukan sahaja mempunyai infrastruktur komunikasi 5G, kepintaran buatan (AI), internet benda (IoT), data sains dan blok rantai untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Keempat, mempromosikan aktiviti pendigitalan kepada sektor ekonomi termasuk kepada rakyat, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai budaya baharu perniagaan dalam talian serta menjimatkan kos.

Jual beli hasil pertanian dan perikanan juga dapat dilaksanakan dengan mudah menerusi dalam talian. Industri kreatif juga dapat dilaksanakan secara digital menerusi persembahan dan pertunjukan kreatif atau pameran muzium digital.

Kelima, kempen mendorong pengguna platform digital supaya bersikap bijak dalam memanfaatkan platform digital dan melindungi diri daripada ancaman siber serta berita palsu, termasuk dalam kalangan kanak-kanak serta warga emas.

Keenam, membabitkan komuniti secara inklusif terhadap perancangan sesuatu pendigitalan dan pembangunan polisi berkaitan. Ini memberi peluang kepada masyarakat untuk terbabit sama dalam perbincangan pembangunan pendigitalan dan rekabentuk sesuai mengikut acuan tempatan.

Realitinya, pendigitalan negara perlu menggabungkan pembabitan semua pihak dengan keprihatinan kerajaan berserta empati kepada rakyat. Ini menjadikan strategi pendigitalan bersifat proaktif untuk merapatkan jurang digital.

**Dr Shamsul Arrieya Ariffin**

**Profesor Madya Jabatan Komputeran Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**



Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese Style, Simple Tapi Lazat

## BERITA BERKAITAN









KOMENTAR Jul 15, 2020 @ 11:00am

## Manfaat PENJANA kembali giatkan industri kreatif



KOMENTAR Feb 26, 2021 @ 11:01am

## Perkasa akses maklumat pemberian vaksin COVID-19



KOMENTAR Jul 6, 2020 @ 11:00am

## Keberhasilan idea adaptasi teknologi di tangan rakyat



NASIONAL Apr 25, 2020 @ 10:01pm

## Pendigitalan masyarakat perlu dipercepatkan

Disyorkan untuk anda

Recommended by




**Invest now $ 250 in Companies like Netflix and get a…**
Smart Invest



**Tokyo's new see-through toilets aim to enhance…**
CNA



**Will the pandemic finally end? See the prospects**
CNA - Insight
Watch More



**Obama's Mansion Amazes Everyone**
Mansion Global



**Doctor: if You Have Tinnitus (Ear Ringing) Do…**
discover-healthy-body.…



**People Who Wore The Wrong T-Shirt At The Right Time**
TooCool2BeTrue



**Here Is What Full Mouth Dental Implants Should…**
Dental Implants | Searc…



**The Price of Mattresses for Seniors in…**
…Ads

IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi